

Aktiviti Riadah Kesultanan Melayu Kedah dalam Hikayat Merong Mahawangsa Berdasarkan Teori Spektrum Kesenggangan Individu

Recreational Activities of The Sultanate of Kedah in Hikayat Merong Mahawangsa Based on The Individual Leisure Spectrum Theory

KHAIRUL ZAINIE JASNI & SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

Riadah merupakan aktiviti masa lapang yang membolehkan individu untuk memilih terlibat dengan aktiviti lasak mahupun yang bersifat santai. Dalam karya agung Melayu mencatatkan tentang aktiviti riadah golongan pemerintah. Namun demikian, kajian terhadap aspek ini sukar diperoleh kerana keterbatasan penulisan mengenainya. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan tentang topik ini dengan meneliti Hikayat Merong Mahawangsa sebagai bahan perbincangan. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis aktiviti riadah yang dijalankan oleh pemerintah Melayu dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Kaedah kepustakaan akan digunakan dalam penulisan ini dengan menerapkan Teori Spektrum Kesenggangan Individu yang diperkenalkan oleh Bammel, G dan Bammel L.L.B. Hasil kajian mendapati lima daripada tujuh prinsip adalah selari dan diperoleh menerusi naskhah kajian iaitu pemuliharaan diri, kecergasan fizikal, berehat, sosialisasi, dan refleksi. Kesimpulannya, aktiviti riadah yang dijalankan oleh raja-raja Melayu dalam Hikayat Merong Mahawangsa mampu memberi satu dapatan baharu dalam kepustakaan Melayu dan seterusnya memberikan informasi terhadap pembaca mengenai bentuk aktiviti riadah yang diamalkan oleh raja-raja Melayu suatu ketika dahulu.

Kata kunci: Riadah; Hikayat Merong Mahawangsa; Kesultanan Melayu Kedah; Teori Spektrum Kesenggangan Individu; Melayu

ABSTRACT

Recreational activities are either recreational and leisure activities to choose to engage in extreme activities and relaxing activities. In the Malay masterpiece, the ruling class recorded recreational activities. However, studies on this aspect are difficult to obtain due to the limitations of writing about it. Therefore, this study will focus on this topic by researching Hikayat Merong Mahawangsa as a discussion material. The objectives of this study are to identify and analyze recreational activities carried out by the Malay rulers in Hikayat Merong Mahawangsa. The method of extinction will be used in this writing by applying The Individual Leisure Spectrum Theory introduced by Bammel, G and Bammel L.L.B. The findings showed that five of the seven principles were aligned and obtained through the study, namely self-preservation, physical fitness, rest, socialization, and reflection. In conclusion, recreational activities carried out by Malay rulers in the study copies were able to provide a new finding and thus inform to readers on the forms of recreational activities practiced by the Malay rulers a long time ago.

Keywords: Recreational; Hikayat Merong Mahawangsa; The Sultanate of Kedah; The theory of the Individual Spectrum; Malay

PENGENALAN

Riadah menjadi sebahagian daripada gaya hidup manusia untuk mengisi masa lapang. Menurut K.H Choer Affandi (2007), riadah dari segi bahasa dikenali sebagai *riyadhah* yang bermaksud olahraga manakala dari segi istilah pula dikenali sebagai perbuatan melatih jiwa agar sentiasa istiqamah

dalam beribadah kepada Allah, patuh perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. H. Syukriadi Sambas dan Tata Sukayat (2003) menyatakan dalam kalangan tasawuf, *riyadhah* bertujuan sebagai latihan kerohanian dengan menjalankan ibadah serta menundukkan keinginan nafsu syahwat. Manakala Nik Muhammad Lokhman Hashim (2018) pula berpendapat bahawa riadah ialah

satu bentuk pengalaman, aktiviti dan senaman yang memberikan keseronokan, kesegaran dan menghiburkan yang dilakukan secara sukarela serta memberikan kepuasan kepada pelakunya sementara itu Hilmi Ibrahim (1991) pula menyatakan riadah sebagai aktiviti yang merehatkan minda dan tubuh badan manusia daripada aktiviti sehari-hari dan bebas daripada urusan kerja serta urusan rasmi. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa riadah merangkumi perbuatan untuk melatih jiwa agar manusia sentiasa istiqamah beribadah kepada Allah. Selain itu, riadah juga dapat dinyatakan sebagai suatu bentuk pengalaman tentang aktiviti dan senaman yang dapat memberikan keseronokan, merehatkan minda daripada kekangan aktiviti sehari-hari dan bebas daripada kerja rasmi.

Apabila menelaah manuskrip Melayu lama, aktiviti riadah juga menjadi pilihan sebahagian golongan bangsawan untuk merehatkan diri dan minda sejenak daripada urusan pentadbiran selain mencari hiburan masa senggang. Justeru, dalam penulisan ini, pengkaji akan meneliti aktiviti riadah yang dijalankan oleh raja-raja Melayu dengan menggunakan naskhah *Hikayat Merong Mahawangsa*. Naskhah ini merupakan suntingan dan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Hawa Salleh dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya pada tahun 1998. Naskhah ini dipilih kerana kandungannya mendasari sejarah negeri Kedah termasuklah perjalanan, pengembaraan, aktiviti sehari-hari raja dan kedaulatan institusi istana.

Fokus kajian utama dalam penulisan ini ialah tentang aktiviti riadah yang dijalankan oleh raja-raja Melayu dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian awal mendapati bahawa kajian terhadap aktiviti riadah dengan menggunakan karya agung Melayu masih belum dikaji dengan meluasnya, hanya satu kajian awal yang telah dilakukan oleh Jelani Harun pada tahun 2018 dengan menyentuh aktiviti riadah dalam Misa Melayu dan menggesa agar penelitian tentang riadah perlu diperluaskan lagi lebih meluas agar masyarakat luar mengetahui berkenaan ilmu tersebut. Oleh itu, penulisan ini akan mengenal pasti dan menganalisis manifestasi riadah yang dijalankan oleh pemerintah Kesultanan Melayu Kedah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah ini akan dilakukan dengan

meneliti maklumat dan mengumpul maklumat serta bahan yang tertumpu pada sumber utama dan rujukan sekunder di perpustakaan-perpustakaan di perpustakaan Malaysia. Sumber-sumber yang diteliti terdiri daripada buku, jurnal, tesis, majalah dan akhbar yang telah dicetak atau di atas talian yang berkaitan dengan topik kajian. Terdapat empat tatacara utama dalam pengendalian kaedah ini iaitu pengumpulan bahan, pengumpulan data dan proses menganalisis data kajian.

Selain itu, kajian ini akan menerapkan Teori Spektrum Kesenggangan Individu yang diperkenalkan oleh Bammel, G dan Bammel L.L.B pada tahun 1996. Bammel dan Bammel (1996) menyatakan bahawa teori ini berbeza dapanan dan amalan disebabkan faktor budaya, lokasi geografi, ekonomi, komitmen dan kemudahan yang disediakan dalam lingkungan sosial individu. Bammel G. dan Bammel L.L.B (1996) juga menambah bahawa sebarang proses interpretasi terhadap Teori Spektrum Kesenggangan Individu ini perlulah mengambil kira setiap elemen sosial individu terbabit. Dalam Teori Spektrum Kesenggangan Individu ini terdapat tujuh prinsip yang ditekankan iaitu:

1. Pemuliharaan Diri
2. Kecergasan Fizikal
3. Berehat
4. Sosialisasi
5. Kesihatan
6. Khidmat Masyarakat
7. Refleksi

DAPATAN KAJIAN

PRINSIP PEMULIHARAAN DIRI

Aktiviti riadah menjadi sebahagian daripada proses pemuliharaan diri dari melakukan perkara negatif. Pemuliharaan diri sebagai satu proses merawat, menghindari diri daripada penyakit sosial, mental dan fizikal. Menurut Bammel G dan Bammel L.L.B (1996) pelihara ialah menjaga dengan baik, merawat dan melakukan sesuatu yang bermanfaat. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, aktiviti riadah yang melibatkan pemuliharaan diri dapat dikenal pasti melalui peristiwa Sultan Muzalfal Syah menjalankan aktiviti keagamaan dengan mempelajari ilmu al-Quran dan kitab-kitab agama daripada Syeikh Abdullah. Sebelum Sultan Muzalfal Syah memeluk Islam, baginda bernama Raja Phra Ong Mahawangsa. Baginda menghibur diri dengan meminum arak dan bersuka ria namun

telah mengubah aktiviti tersebut apabila baginda kembali ke fitrah sebenar. Sultan Muzalfal Syah menyedari bahawa hanya dengan mendekatkan diri kepada Allah semata-mata adalah jalan terbaik lalu baginda meminta diajarkan ilmu tersebut daripada Syeikh Abdullah.

Maka kata Raja Phra Ong Mahawangsa, "Jikalau demikian hendaklah tuan hamba tolong hamba sekalian ini, ajarkan agama Islam yang sebenar.

(Siti Hawa Salleh 1998: 36)

Kesungguhan baginda dalam aktiviti riadah keagamaan tersebut juga dibuktikan menerusi petikan di bawah apabila baginda telah membawa isterinya bersama-sama mempelajari ilmu tersebut.

Maka Sultan Muzalfal Syah pun sangatlah mesra kasih akan Syeikh Abdullah, tiadalah bercerai jauh dengan dia, menjadi guru mengaji Qur'an dan kitab kedua laki isteri. Maka beberapa pula perempuan yang baik-baik dan bangsa raja-raja dicari oleh baginda akan jadi isteri Syeikh Abdullah...

(Siti Hawa Salleh 1998: 115)

Sebagai ketua agama, raja wajib mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan bersungguh-sungguh mempraktikkannya untuk mendapat keberkatan dari-Nya selain dapat memberi ketenangan kepada baginda dalam menjalankan urusan hal ehwal pentadbiran. Selain itu, aktiviti riadah dengan melakukan aktiviti agama ini dapat meningkatkan martabat dan darjah raja serta menjadi contoh teladan kepada golongan rakyat. Menurut M. Fadholi Noer (2014) dan Umar Mukhtar Mohd Noor (2019) menuntut ilmu sebahagian daripada keperluan manusia di dunia dan di akhirat serta menjadi kayu ukur dalam kehidupan manusia untuk membezakan baik dan buruk dalam menilai sesuatu perkara. Individu yang berilmu akan mempunyai taraf yang tinggi dalam masyarakat.

Dalam pada itu, prinsip pemuliharaan diri Bammel, G dan Bammel L.L.B adalah berpadanan dengan situasi ini kerana raja menekankan aktiviti yang positif dengan menghindari diri daripada melakukan perkara yang negatif. Pemuliharaan diri melalui aktiviti keagamaan menjadi benteng kepada raja dari berlaku kejam, dan tidak bersikap adil kepada rakyatnya. Golongan pemerintah yang mendekatkan diri kepada Allah akan mendapat keredaan daripada-Nya. Pemuliharaan diri dapat dijelaskan melalui peristiwa di atas kerana baginda tidak membuang masa dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah. Raja-raja memelihara diri

dengan melakukan aktiviti keagamaan seperti belajar ilmu agama dan mengaji.

PRINSIP KECERGASAN FIZIKAL

Prinsip kedua yang dikemukakan oleh Bammel G dan Bammel L.L.B (1996) melibatkan kecergasan fizikal. Prinsip kecergasan fizikal merujuk kepada keadaan bertenaga, ketangkasan dan kepantasan tubuh badan. Kecergasan fizikal juga merujuk kepada kebolehan dan keupayaan individu melakukan kerja sehari-hari dan masa senggang yang tidak keterlaluan yang berteraskan gaya hidup berpindah randah, mengembara, dan berburu yang menuntut masyarakat untuk kekal aktif dan cergas dalam kehidupan seharian. Naskhah *Hikayat Merong Mahawangsa* mencatatkan peristiwa yang dominan tentang aktiviti kecergasan fizikal dan berlatar belakangkan alam sekitar. Antara yang disebutkan ialah aktiviti memanah. Diceritakan bahawa Raja Merong Mahaputisat menjalankan aktiviti memanah dan bermain senjata untuk mengisi masa lapang baginda seperti petikan berikut:

Maka terlalu ramai ia bertiga itu serta dengan kundangnya masing-masing belajar bertikam batang teratai dan bermain-main panah dari atas kuda ketiganya. Maka selang tiga hari sekali keluar belajar bermain senjata dengan segala anak-anak menteri.

(Siti Hawa Salleh 1998: 36)

Di samping beriadah, Raja Merong Mahawangsa juga dapat mengasah kemahiran bermain peralatan tersebut. Menurut Mohd Aizat Shamsuddin (2019) memanah dapat dikaitkan secara langsung dengan kekuatan hati, ketajaman akal, dan kekuatan fizikal. Ini kerana aktiviti ini melibatkan penumpuan anggota badan seperti mata untuk fokus kepada sasaran, akal pula kepada ketajaman berfikir dan mengambil tindakan. Selain dari mengasah bakat, aktiviti memanah juga dapat mengeratkan silaturahim. Perkara ini jelas dinyatakan menerusi petikan di bawah:

Maka disuruh oleh ayahnya bermain-main senjata bertikamtikam di atas kuda dan berlawan-lawan dengan Raja Buluh Betung. Maka jadi pandailah keduanya naik kuda dan bermain senjata pada segenap tepi laut itu.

(Siti Hawa Salleh 1998: 36)

Petikan di atas juga dapat dilihat sebagai simbol pertahanan, di mana ayahanda kepada Raja Phra Ong Mahawangsa menekankan kemahiran

pertahanan diri kepada anakanda baginda sebagai persediaan menjadi ketua angkatan tentera dan strategi berlawan dengan musuh. Aktiviti ini terdapat dalam prinsip Spektrum Kesenggangan Individu yang menekankan kepada keadaan bertenaga, kecergasan dan kepantasan tubuh badan. Prinsip ini memperlihatkan raja-raja Melayu Kedah mengutamakan kecergasan fizikal dengan bermain senjata dan memanah. Menurut Mohd Shahrizal Nasir (2015), kecergasan fizikal sebegini sangat penting untuk menjalankan kehidupan yang lebih baik dan sihat. Ini kerana, tindakan mengelak diri daripada melakukan kecergasan fizikal akan menimbulkan masalah kesihatan. Sebagai golongan pemerintah, kecergasan fizikal sangat dituntut terutamanya dari aspek ketahanan dan pertahanan.

PRINSIP BEREHAT

Prinsip berehat merupakan prinsip ketiga yang diketengahkan oleh Bammel dalam Teori Spektrum Kesenggangan Individu. Prinsip ini menekankan jenis riadah yang memberikan kerehatan kepada tubuh badan daripada melakukan aktiviti sehari-hari. Jenis aktiviti yang dijalankan bagi memenuhi prinsip ini lebih kepada aktiviti yang bersifat santai dan tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak melibatkan ramai orang. Menurut Bammel G dan Bammel L.L.B (1996), berehat bermaksud melupakan seketika perkara yang memenatkan tubuh badan dan melupakan sementara urusan kerja, mengumpul tenaga dan mengembalikan semula tenaga kepada anggota badan. Dengan kata lain, berehat merujuk kepada keadaan bebas daripada sebarang aktiviti dan gerakan yang meletihkan. Prinsip berehat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* merujuk kepada aktiviti bersiar-siar atau bercemar duli.

Maka ia pun naiklah ke atas gajah kenaikannya hendak berjalan bermain-main, diiringkan oleh segala menteri hulubalang hendak pergi melihat segala pulau-pulau itu. Maka didapatinya telah habis pulau-pulau itu menjadi tanah daratan dengan banyak pula pohon kayu, maka setengah pohon kayu itu dapat sudah orang memakan buahnya.

(Siti Hawa Salleh 1998: 49)

Menerusi petikan di atas, prinsip berehat ini dapat dilihat menerusi peristiwa aktiviti santai Raja Ong Perita Deria yang menghayati keindahan alam. Baginda berjalan-jalan di pantai melihat pulau-pulau yang berdekatan dengan Kota Aur. Sumber alam yang terdapat di Kota Aur menjadi salah satu daya

tarikan untuk raja menjalankan aktiviti riadah yang juga bertujuan untuk memberi kerehatan kepada minda dan fizikal baginda. Malah Azilah Kassim dan Raslinda Ghazali (2006) menyatakan keindahan kawasan pantai mampu memberikan ketenangan dan kedamaian kepada fikiran manusia. Pemerintah dapat berehat dengan menghayati alam sekitar kerana alam mampu memberi ketenangan kepada jiwa dan tubuh badan manusia. Hasrina Baharum (2016) juga berpendapat dalam karya Melayu tradisional terdapat taman yang khusus untuk kerabat diraja malah taman ini berfungsi sebagai tempat rehat, ruang peribadi raja yang dihiasi dengan pelbagai keindahan flora dan fauna. Hal ini membuktikan bahawa keindahan alam sangat dekat dengan masyarakat Melayu kerana fungsinya sebagai wadah terbaik untuk meluahkan perasaan, kehendak dan perbandingan kelakuan manusia. Justeru, keindahan alam sekitar yang digambarkan dalam naskah *Hikayat Merong Mahawangsa* menerusi contoh petikan di atas adalah memainkan peranan penting untuk membantu raja mencari ketenangan jiwa dan mendapatkan rehat yang secukupnya.

PRINSIP SOSIALISASI

Prinsip keempat merupakan proses sosialisasi individu dalam melaksanakan riadah. Prinsip ini menekankan proses penglibatan diri dalam masyarakat. Kini, masyarakat kurang terlibat dalam kehidupan sosial kerana kekangan masa, perubahan gaya hidup yang seterusnya membawa kepada perubahan cara mengisi masa lapang. Proses sosialisasi ini membantu individu memahami dan mengembangkan kehidupan yang lazim kepada sesuatu yang di luar ruang lingkupnya. Melalui aktiviti riadah, individu dapat bergaul dan bersosial dengan kumpulan masyarakat dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan keyakinan diri. Sosialisasi menerusi *Hikayat Merong Mahawangsa* dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Hatta setelah sudah lengkap maka pada ketika hari saat yang baik, maka Raja Merong Mahawangsa pun mengangkat layar serta segala pala dan keci yang serta bersama-sama mengiringkan itu semua disuruhnya naikkan segala layar.

(Siti Hawa Salleh 1998:7)

Prinsip ini menekankan penglibatan individu untuk bergaul dan bersosial dengan kumpulan masyarakat yang berada di sekitar ruang kehidupan seseorang. Semasa Raja Merong Mahawangsa ingin pergi berlayar, baginda telah meluangkan

masa bergaul bersama-sama rakyatnya. Peristiwa ini dicatatkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* yang mana rakyat Kedah turut menghiburkan Raja Merong Mahawangsa. Peristiwa ini diceritakan seperti petikan di bawah:

Terlalu amat kesukaannya serta dengan tepuk tarinya segala kaum itu kerana mereka tiada beraja, hanya berpenghulu sahaja dan lagi pula dengan baik bahasanya Raja Merong Mahawangsa itu. Setelah sudah lengkap kota istana, kemudian segala menteri hulubalang pun masing-masing berbuat rumah dan kampung, diaturnya berkeliling kota rajanya. Setelah sudah sekaliannya itu, maka masing-masing pun datanglah mengadap rajanya sehari-hari.

(Siti Hawa Salleh 1998:15)

Hiburan yang diterapkan dalam petikan tersebut merupakan cara beriadah golongan raja dan menonjolkan Raja Merong Mahawangsa menyukai aktiviti tersebut. Hiburan ini bersesuaian dengan prinsip sosialisasi yang menekankan kepentingan melibatkan diri dalam masyarakat. Prinsip sosialisasi memerlukan raja berhibur bersama-sama rakyat dalam mengeratkan dan menjaga hubungan baiknya dengan rakyat namun dalam situasi terbatas. Dalam hal ini, dapat dinyatakan bahawa hiburan yang dijalankan oleh raja-raja ini bersesuaian dengan konsep sosialisasi yang melibatkan penglibatan aktiviti kemasyarakatan.

PRINSIP REFLEKSI

Prinsip terakhir dalam Spektrum Kesenggangan Individu ini bertujuan bermuhasabah diri untuk menilai kekurangan dan kelemahan sendiri. Refleksi sebagai proses penting dalam kehidupan manusia yang memberi input kepada penilaian tahap kemampuan diri. Refleksi terdiri daripada dua iaitu refleksi kekurangan dan kelebihan diri. Refleksi kekurangan membolehkan individu menilai serta memperbaiki kelemahan diri manakala refleksi kelebihan ialah membolehkan individu membangunkan kemahiran dan mempertingkatkan kebolehannya dalam sesuatu perkara. Refleksi dalam konteks pendidikan dikenali sebagai proses atau tindakan yang bertujuan melihat masa lalu untuk menilai semula pengalaman yang diperoleh seterusnya memantapkannya pada masa akan datang untuk menuju ke arah yang lebih baik.

Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, diceritakan tentang isteri Raja Phra Ong Mahaputisat melakukan aktiviti pertapaan sebagai aktiviti riadah untuk memperbaiki kelemahan dirinya yang tidak mempunyai cahaya mata. Justeru itu, permaisuri

telah mengambil tindakan untuk memperbaiki dirinya yang dipengaruhi oleh keinginan dan keikhlasan untuk berusaha mendapatkan keturunan baginda yang akan mewarisi takhta kerajaan. Selain itu, Raja perempuan juga bernazar untuk tujuan tersebut yang menunjukkan kesungguhannya dalam hal ini. Nor Hasniza Ibrahim, Johari Surif dan Muhammad Yusof Arshad (2006) berpendapat refleksi bermaksud proses menyiasat dan mengenal pasti pengalaman lalu yang melibatkan kepercayaan, pemikiran dan pengalaman untuk menjadi lebih matang pada masa akan datang. Peristiwa pertapaan raja perempuan ini dapat dilihat menerusi contoh petikan ini:

Maka raja perempuan sangatlah kasihnya akan Raja Phra Ong Mahaputisan, tetapi sungguhpun demikian ada sedikit tiada suka dengan sebab baginda itu tiada diperoleh anak itu. Maka raja perempuan dengan berapa kaul dan bernazar dengan pertapaannya meminta doa akan datuk nenek, orang tua dan raja-raja dahulu-dahulu itu biar boleh anak Raja Phra Ong Mahaputisat itu.

(Siti Hawa Salleh 1998: 80)

Setelah bertapa, bernazar dan berdoa, hajat raja perempuan telah dimakbulkan oleh Allah SWT. Peristiwa kehamilan raja perempuan diceritakan dalam petikan di bawah:

Hatta, antara beberapa tahun dan bulannya, maka isteri Raja Phra Ong Mahaputisat pun hamillah ia, lalu diadakan oleh raja perempuan dan Raja Phra Ong Mahaputisat dengan sepertinya.

(Siti Hawa Salleh 1998: 80)

Menurut Boon Pong Ying (2006) dan Dwita Oktaria (2015) refleksi ialah proses atau tindakan yang mengimbau kembali masa lalu dengan tujuan untuk menilai semula pengalaman dan memahami diri sendiri agar menjadi lebih baik. Situasi ini merujuk kepada watak raja perempuan yang telah memperbaiki kelemahan diri bagi mencapai kesempurnaan diri. Implikasi daripada refleksi ini, raja perempuan dapat menggembirakan hati suaminya iaitu Raja Phra Ong Mahaputisat dengan melahirkan zuriat sebagai waris keturunan Kedah. Ternyata prinsip refleksi diri ini bertepatan dengan perbincangan ini kerana memperlihatkan berlakunya proses refleksi kepada isteri Raja Phra Ong Mahaputisat yang menilai kekurangan dan kelemahan untuk berjuang dan berusaha memperbaiki diri dalam melengkapkan kebahagian berumah tangga.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, penulisan ini berfokuskan kepada aktiviti riadah dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan Teori Spektrum Kesenggangan Individu. Daripada tujuh prinsip, hanya ditemui lima prinsip yang bertepatan dengan kandungan teks yang dikaji iaitu Pemuliharaan Diri, Kecergasan Fizikal, Berehat, Sosialisasi, dan Refleksi. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Bammel G. dan Bammel L.L.B (1996) yang menegaskan teori ini berbeza dapatan dan amalan sosial tersendiri disebabkan faktor sekeliling individu. Melalui prinsip-prinsip ini, dapat dilihat kepelbagaiannya aktiviti riadah yang dijalankan oleh pemerintah kesultanan Melayu Kedah menerusi *Hikayat Merong Mahawangsa* seperti aktiviti keagamaan, memanah dan bermain senjata, bercemar duli dan bermesra dengan had bersama rakyat. Kajian yang terbatas ini perlu diketengahkan lagi agar dapat disampaikan secara meluas kepada masyarakat terutamanya karya-karya agung Melayu yang menyimpan rekod-rekod penting di samping dapat menambahkan koleksi kepustakaan Melayu dan ilmu kebaharuan dalam bidang kesusastraan dan juga sains sukan.

RUJUKAN

- Azilah Kasim & Raslinda Mohd. Ghazali. 2006. *Kepentingan, Peranan dan Isu-isu Pengurusan Rekreasi*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
 Bammel, G. & Bammel L.L.B. 1996. *Leisure & Human Behavior*. Madison: Brown & Benchmark.

Khairul Zainie Jasni
 Jabatan Bahasa Melayu
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 E-mel: khairulzainie@gmail.com

Salmah Jan Noor Muhammad
 Jabatan Bahasa Melayu
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 E-mel: salmahjan@upm.edu.my

Diserahkan: 25 Februari 2021
 Diterima: 18 Mac 2022

- Boon Pong Ying. 2006. Amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme diri guru. *Jurnal IPBA* 3(2): 102-109.
 Dwita Oktaria. 2015. Refleksi Diri sebagai Salah Satu Metode Pembelajaran di Fakultas Kedokteran. Prosiding Seminar Presentasi Artikel Ilmiah Dies Natalis FK Unila ke-13.
 Hasrina Baharum. 2016. Variasi landskap taman dalam karya melayu tradisional. *Tunas Cipta* 2: 08-11.
 Hilmi Ibrahim. 1991. Leisure and Islam. *Leisure Studies* 1(2): 197-210.
 Jelani Harun. 2018. Riadah dalam *Hikayat Misa Melayu*. *Dewan Sastera* 8: 45-47.
 K.H Choer Affandi. 2007. *La Tahzan Innallaha Ma'ana: Bersama Allah di setiap Tempat dan Waktu*. Bandung: Pt Mizan Pustaka.
 M. Fadholi Moer. 2014. Menuntut ilmu sebagai transformasi perubahan paradigma. *Jurnal Qathruna* 1(1): 1-22.
 Mohd Aizat Shamsuddin. Dimuat turun pada 9 Disember 2020. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/12/510373/memanah-sebagai-sukan-dan-simbol-kekuantan-tentera-islam>
 Mohd Shahrizal Nasir. 2015. Bersukan menurut Syarak. *Dewan Tamadun Islam* 12: 04-08.
 Nik Muhammad Lokhman Hashim. 2018. *Tanggapan Masyarakat Kota Baharu terhadap Aktiviti Riadah di Gua Ikan, Dabong*. Universiti Malaysia Sarawak.
 Nor Hasniza Ibrahim, Johari Surif & Muhammad Yusof Arshad. 2006. Kepentingan Pemikiran dan Amalan Refleksi dalam Pengajaran Sains di Luar Bandar. *Conference on Teacher Education*. dimuat turun pada 15 Disember 2020 melalui (<http://eprints.utm.my/id/eprint/2234/>)
 Siti Hawa Salleh. 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Terbitan bersama Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
 Umar Mukhtar Mohd Noor. Dimuat turun pada 1 Disember 2020. <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1122-irsyad-al-hadith-siri-ke-109-kelebihan-menuntut-ilmu>
 Wan Muhammad Afiq Wan Muhammad Fauzan & Shariah Kartini Said Husain. 2017. *Geometri Dalam Seni Tarian Tradisional Melayu*. Seminar Sains dan Teknologi Malayonesia.